

STPM Kertas 1 2017:

Soalan 2

- (a) Nyatakan konsep dan prinsip perakaunan yang terlibat bagi susut nilai sebuah aset tetap. (1 markah)
- (b) Jelaskan empat faktor yang perlu diambil kira untuk menentukan belanja susut nilai pada setiap tahun. (4 markah)
- (c) Sebahagian maklumat berkenaan dengan akaun aset tetap dan sebahagian maklumat berkenaan dengan akaun belum terima milik Syarikat Gagah Sdn Bhd pada 31 Disember 2013 adalah seperti berikut:

Aset tetap	Kos (RM)	Nilai sisa (RM)	Jangkaan usia guna (Tahun)	Kaedah susut nilai
Forklift (dibeli pada 1 Januari 2012)	50,000	2,500	8	Baki berkurangan 20% setahun
Mesin dan Kelengkapan (dibeli pada 1 Januari 2011)	250,000	25,000	12	Garis lurus

Tahun berakhir	Baki peruntukan hutang ragu pada 1 Januari 2015 (RM)	Akaun belum terima pada 31 Disember 2015 (RM)	Hutang lapuk perlu dihapuskan pada 31 Disember 2015 (RM)	Kadar peruntukan hutang ragu atas baki akhir akaun belum terima (%)
31 Disember 2015	366	18,100	1,500	4

Maklumat tambahan:

- (1) Pada 31 Disember 2015, *forklift* telah dijual pada harga RM18,600.
 (2) Hutang lapuk pulih sepanjang tahun 2015 ialah RM750.

Dikehendaki:

- (i) Hitung belanja susut nilai aset tetap bagi tahun berakhir 31 Disember 2015., (3 markah)
- (ii) Hitung laba atau rugi pelupusan *forklift*. (2 markah)
- (iii) Hitung nilai akaun belum terima bersih Syarikat Gagah Sdn Bhd pada 31 Disember 2015. (2 markah)
- (iv) Sediakan catatan jurnal pelarasan bagi peruntukan hutang ragu, hutang lapuk, hutang lapuk pulih dan catatan jurnal untuk merekod jualan *forklift*. (8 markah)